

22 MAY 1996

Parlimen - MARA

HASIL LAPORAN MARA TUNJUK TIADA PENYELEWENGAN CUMA KELEMAHAN

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Laporan audit kewangan dan pengurusan Majlis Amanah Rakyat (MARA) tidak menampakkan sebarang penyelewengan tetapi mengandungi beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki, kata Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapha Mohamad, hari ini.

"Kita tunggu pengumuman hasil laporan itu oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim nanti," katanya ketika menggulung usul Rancangan Malaysia Ke-Tujuh (RMK7) mengenai kementerianya di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata Anwar juga dijangka mengumumkan peruntukan tambahan kepada MARA bagi mengukuhkan kedudukan kewangan agensi itu.

Sebelum ini, MARA dilaporkan menghadapi masalah kewangan sehingga terpaksa mengurangkan beberapa aktivitinya termasuk penajaan pelajar ke luar negara dan biasiswa dalam negeri.

Berikutan masalah itu, Kabinet mengarahkan kementerian supaya menjalankan siasatan terhadap kewangan dan pengurusan MARA.

Beliau berkata laporan hasil siasatan itu telahpun diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Anwar baru-baru ini.

Ketika ditemui pemberita di luar Dewan, Mustapha menhjelaskan penyelewengan yang dimaksudkan semasa penggulungan itu ialah mengenai laporan audit sebuah firma audit yang mendapati tidak berlaku rasuah dan pecah amanah.

Semasa ditanya mengenai kelemahan yang dimaksudkan, beliau berkata, "Tunggulah maklumat yang akan dimumkan oleh Timbalan Perdana Menteri."

Sementara itu, di Dewan Negara, Timbalan Menteri berkenaan Idris Jusoh, ketika menggulung usul titah ucapan Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan Penggal Kedua Parlimen ke-sembilan, berkata Anwar dijangka mengumumkan hasil laporan itu esok. -- BERNAMA

NZ NAK